

**EMBARGO : Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum
Jam 10.45 pagi, 19.11.2019**

**ISTIADAT KONVOKESYEN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
KALI KE DUA PULUH SATU
(SESI PERTAMA)**

**TITAH
TUANKU CANSELOR
DULI YANG MAHA MULIA
TUANKU ZARA SALIM**

TARIKH: 22 RABIUL AWAL 1441 / 19 NOVEMBER 2019 (SELASA).

JAM: 10.00 PAGI

**TEMPAT: DEWAN TUANKU CANSELOR,
KAMPUS SULTAN AZLAN SHAH,
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS,
TANJONG MALIM, PERAK.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera.

Konvokesyen Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kali kedua puluh satu, akan menganugerahkan ijazah dan diploma kepada 4,985 graduan; 108 graduan akan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah, 993 Ijazah Sarjana, 2,610 Ijazah Sarjana Muda, 201 Diploma Pendidikan Lepas Ijazah, dan 1,073 diploma. Konvokesyen kedua puluh satu, akan juga menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Haji Abdul Karim, dan Profesor Dato' Dr. Mohamad Ghazali bin Dato' Mohd. Yusoff, Ijazah Kehormat (Anumerta) kepada Allahyarham Dato' Yunus Raiss, serta anugerah Akademia UPSI kepada Profesor Dr. Rosly Jaafar.

2. Majoriti graduan UPSI selepas ini, akan terlibat secara langsung dalam profesion pendidikan. Pendidik yang sejati adalah pendidik yang memiliki pemahaman yang mendalam dan menghayati falsafah pendidikan. Pendidik yang sejati, tidak sekadar memenuhi tanggungjawab untuk menyampaikan ilmu dan menyebarkan pengetahuan, tetapi menjadikan misi utama untuk menjayakan setiap anak-anak di bawah didikan mereka, mencapai kejayaan seoptimum yang mungkin. Dunia dikayakan dengan pelbagai khazanah ilmu dan pengetahuan, adab dan budaya, dan dunia pendidikan diinspirasikan oleh tokoh-tokoh yang layak diiktiraf sebagai mahaguru melalui watak dan sifat yang diperlihatkan, dan legasi yang

ditinggalkan oleh para pendidik yang sejati, antara mereka, Confucius¹, Socrates², Aristotle³, Chanakya⁴, Imam Shafie⁵ dan Imam Ghazali⁶.

3. Era pendidikan moden tidak ketandusan dengan individu-individu tersohor dalam bidang pendidikan. HAMKA⁷, Pendeta Zaaba⁸, Dato' Seri Aminuddin Baki⁹, adalah antara tokoh pendidikan tersohor di rantau ini, dan di negara kita. Sempena Istiadat Konvokesyen pagi ini, Beta memilih, memetik lima peristiwa pencapaian luar biasa guru dan murid, untuk dijadikan contoh – dijadikan sumber inspirasi, membina semangat – membina kekuatan para pendidik, terutama ketika berhadapan cabaran yang berat.

4. Pertama: Johanna Mansfield Sullivan Macy, lebih dikenali dengan nama Anne Sullivan,¹⁰ dilahirkan pada tahun 1866; pada usia 5 tahun dijangkiti trakoma, penyakit mata yang menyebabkan beliau separa buta, lantas tidak memiliki kemahiran membaca dan menulis. Beliau mengikuti pengajian di sekolah orang buta, Perkins School. Setelah tamat pengajian pada usia 20 tahun, Anne Sullivan menjadi guru dan rakan kepada Hellen Adam Keller, seorang pelajar buta dan pekak, berusia 14 tahun lebih muda daripada beliau. Kejayaan Anne Sullivan, telah menukar secara dramatik, persepsi dunia terhadap individu yang memiliki kecacatan.

5. Kedua: Helen Adam Keller,¹¹ dilahirkan pada tahun 1880 dalam keadaan buta dan pekak. Ketika berusia tujuh tahun, dengan kegigihan didikan Anne Sullivan, Helen Keller berupaya menguasai ilmu hingga berjaya sampai ke universiti, merupakan orang buta pertama yang mendapat ijazah Bachelor of Arts, kemudiannya dikenali sebagai pengarang, aktivis politik, pensyarah dan pendidik.

6. Ketiga: Jaime Escalante¹², dilahirkan di Bolivia, berhijrah ke Amerika Syarikat pada tahun 1960, terkenal sebagai pendidik berbakat pada tahun 1974-1991, kerana keistimewaan kaedah mengajar kalkulus. Beliau mengajar matematik kepada anak-anak yang dianggap bermasalah, berkelakuan ganas di Garfield High School di Timur Los Angeles. Jaime Escalante menjadi terkenal kerana kejayaan beliau membimbing anak-anak bermasalah mencapai markah tinggi dalam subjek kalkulus, membolehkan ramai pelajar di bawah bimbingan beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi.

¹ 551-479 Sebelum Masihi, ahli falsafah China, politikus, dan guru yang sangat mempengaruhi budaya masyarakat China.

² 469-399 Sebelum Masihi, ahli falsafah Yunan, salah seorang pengasas Western Philosophy, ahli falsafah pertama tradisi pemikiran etika Barat.

³ 384-322 Sebelum Masihi, ahli falsafah Yunani, pengasas the Lyceum and the Peripatetic school of philosophy and Aristotelian tradition. Diiktiraf sebagai Father of Western Philosophy.

⁴ 371-283 Sebelum Masihi, guru, ahli falsafah, jurist, ahli ekonomi, dan penasihat diraja, pengarang The Ancient Political Treatise, the Arthashastra.

⁵ 767-820 Masihi, seorang guru, ahli fiqah Islam, di samping menguasai pelbagai ilmu.

⁶ 1058-1111 Masihi, guru besar hukum, Hujjatul Islam, ahli teologi, ahli falsafah dan sufi, karya terbesar Ihya Ulu mal-Din (menghidupkan kembali ilmu agama)

⁷ 17 Februari 1908 – 24 Julai 1981, Prof Dr. H. Abdul Malik Karim Amrullah, seorang ulama, ahli falsafah, penulis, wartawan, dan guru.

⁸ 16 September 1895 – 23 Oktober 1973, Tan Sri Zainal Abidin bin Ahmad, pendidik, penulis, ahli bahasa yang memodenkan Bahasa Melayu.

⁹ 26 Januari 1926 – 24 Disember 1965, pemimpin pelajar (GPMS), guru, Ketua Penasihat Pelajaran, diiktiraf sebagai arkitek pendidikan negara dan bapa pendidikan Malaysia.

¹⁰ 14 April 1866 - 20 October 1936

¹¹ 27 Jun 1880 – 1 Jun 1968

¹² 31 Disember 1930 – 30 Mac 2010.

7. Keempat: Mother Teresa¹³, dilahirkan pada tahun 1910, di Albania, dikenali sebagai Saint Teresa of Calcutta. Pada asalnya seorang rahib kepada Gereja Roman Katolik. Penderitaan dan kemiskinan yang beliau lihat berlaku di luar dinding biara (*convent*), meninggalkan kesan yang amat mendalam. Pada tahun 1948, beliau meminta izin meninggalkan biara, dan menumpukan perhatian membangunkan sekolah terbuka untuk anak-anak golongan termiskin dalam kawasan setinggan di Calcutta.

8. Kelima: kejayaan Haley Moss, dianugerahkan ijazah undang-undang daripada Universiti Miami pada Mei 2018, dan lulus peperiksaan Florida Bar pada Ogos 2019, menjadikan beliau, autistik pertama yang diterima oleh Florida Bar. Ketika berusia tiga tahun, Haley Moss, menunjukkan kehebatan luar biasa, berupaya menyelesaikan 100 keping *jigsaw puzzle*, dan membaca, tetapi tidak boleh bercakap. Apabila ibu bapanya membawanya menemui doktor, mereka mendapati Haley berada dalam spektrum autisme. Susulan daripada penemuan tersebut, Haley dihantar mengikuti rawatan tertentu dan mengikuti pelajaran dalam kelas khas anak-anak autisme. Pada usia empat tahun, gadis Florida ini mula bertutur, dan dengan pantas berhijrah ke kelas biasa. Beliau mempunyai azam untuk membuktikan kebolehannya mengatasi ketidakbolehannya. Ketika berusia 15 tahun, beliau mengarang buku pertama, "Middle School – The Stuff Nobody Tells You About: A Teenage Girl with ASD Shares Her Experiences". Haley Moss turut menganjurkan pelbagai usaha membantu anak-anak autisme, kata beliau:

"It takes a village to raise a child, and it takes an even bigger village to raise a child with a disability...I realized by sharing my story, I could be a part of someone else's village."

9. Ketika berlangsungnya, konvokesyen, Haley Moss turut dipilih untuk naik ke pentas menyampaikan ucapan bagi pihak para graduan. Kejayaan Haley Moss memberi harapan dan keyakinan kepada semua anak-anak autisme di seluruh dunia, bahawa dengan bantuan, sokongan dan bimbingan, ibu bapa, guru dan masyarakat, anak-anak autisme mempunyai masa hadapan yang cerah lagi terjamin.

10. Lima kisah yang dibentangkan secara ringkas, membuktikan kejayaan dapat dicapai jika ada komitmen dan dedikasi ketika melaksanakan misi. Untuk mencapai kejayaan, anak-anak sebenarnya lebih memerlukan bimbingan dan simpati daripada arahan. Sering kali manusia tidak menyedari, bahawa anak-anak perlu melakukan langkah yang begitu berat, untuk merintis satu permulaan kejayaan; jika berlaku kegagalan awal, mereka tidak harus diperkecil atau dimalukan, di sebaliknya mereka perlu diberikan sokongan moral, dan disuntik dengan keyakinan. Tidak ada sesuatu yang akan tercapai tanpa terlebih dahulu dibina harapan dan disemaikan keyakinan. Sedarilah! Yang terbaik dan terindah, tidak dapat dilihat dengan mata, tidak juga dapat disentuh dengan tangan, tetapi hendaklah dirasai dengan hati. Berfikiran optimis dan mendorong anak-anak berfikiran optimis, adalah kunci yang akan mendorong kepada kejayaan.

¹³ 26 Ogos 1910 – 5 September 1997

**EMBARGO : Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum
Jam 10.45 pagi, 19.11.2019**

11. Anak-anak tidak minta untuk dilahirkan. Anak-anak dilahirkan hasil daripada hubungan kasih sayang ibu bapa. Para ibu bapa hendaklah pada setiap masa, membina keyakinan dan membina kekuatan dalaman anak-anak melalui belaian kasih sayang yang meyakinkan. Wajib diterima hakikat, bahawa setiap seorang anak yang dilahirkan, memiliki perbezaan, kelebihan dan keistimewaan, dan guru yang bijaksana akan berupaya mengenali potensi dalam diri setiap anak yang boleh dibangunkan.

12. Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada para graduan; begitu juga kepada penerima ijazah kehormat serta penerima anugerah akademia UPSI. Kejayaan ini, kurniaan daripada ILAHI kepada setiap hamba Nya yang gigih berusaha. ALLAH Subhanahu Wata'ala, telah memakbulkan doa dan harapan ibu bapa serta ahli keluarga. Kejayaan ini dicapai, kerana adanya kesungguhan tenaga pengajar membimbing dan mengasuh saudara-saudari, komitmen tenaga pengurusan dan tenaga sokongan, sedaya mungkin berusaha mewujudkan penyelesaian persekitaran kepada para graduan. Hargailah jasa bakti setiap mereka dengan mengamalkan sifat-sifat anak yang soleh dan solehah, murid yang menghargai jasa guru, dan insan yang berterima kasih kepada orang yang berbudi.

13. Beta menzahirkan penghargaan kepada Pro Canselor-pro Canselor, juga kepada Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor dan tenaga akademik, Pendaftar dan kakitangan pengurusan serta kakitangan sokongan yang secara bersama, dengan penuh dedikasi, melakukan pelbagai usaha demi memastikan, setiap pelajar mencapai kejayaan dan UPSI mencipta kecemerlangan.

14. Semoga segala usaha murni yang telah dilaksanakan akan diberkati serta dirahmati oleh ALLAH Subhanahu Wata'ala. Amin, Ya Rabul Ala min.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ